

LAWATAN KERJA AKS MATERIEL KE CAWANG MATERIEL PANGKALAN UDARA KUALA LUMPUR

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2374-lawatan-kerja-aks-materiel-ke-cawang-materiel-pangkalan-udara-kuala-lumpur

KUALA LUMPUR, 29 Ogos 17 – AKS Materiel, YBhg Brig Jen Dato' Dr Mohd Yunus bin Masjuki TUDM telah mengadakan Lawatan Kerja ke Cawang Materiel Pangkalan Udara Kuala Lumpur. Kehadiran YBhg AKS Materiel telah disambut oleh Pemangku Komander Pangkalan Udara Kuala Lumpur iaitu Lt Kol Mohamad Noh bin Daim TUDM.

Dalam rangka lawatan beliau, satu sesi dialog turut diadakan bersama semua pegawai dan anggota Cawang Materiel yang diterajui oleh Lt Kol Kamis bin Sanwani TUDM. Lawatan kerja AKS Materiel diteruskan dengan sesi taklimat di Bilik Mesyuarat Cawang Materiel sebelum melakukan lawatan ke stor-stor dan pejabat di dalam Cawang Materiel. AKS Materiel juga diberi penghargaan untuk merasmikan Makmal SPKB Cawang Materiel Pangkalan Udara Kuala Lumpur.

